

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	10 DECEMBER 2016

# Tunggu dan lihat jika Mukhriz tidak dipilih

um - 10/12/2016

**KUALA LUMPUR 9 Dis.** - Rakyat hanya perlu tunggu dan lihat apa yang akan berlaku sekiranya parti pembangkang enggan memilih Timbalan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Datuk Seri Mukhriz Mahathir sebagai calon Perdana Menteri mereka.

Hal ini kerana menurut Naib Ketua Pemuda UMNO Senator Khairul Azwan Harun, cita-cita bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika ini hanyalah untuk memastikan anaknya, Mukhriz menjadi pemimpin negara.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerima tekanan hebat apabila enggan tunduk dengan

desakan Dr. Mahathir khususnya apabila Mukhriz ditolak akar umbi pada pemilihan parti yang lalu.

Beliau menjelaskan, berikutan kegagalan mendapat sokongan UMNO dalam usaha menjadikan Mukhriz sebagai Perdana Menteri, Dr. Mahathir sanggup bersekutu dengan DAP.

“Najib yang enggan menjadi tebusan politik

Dr. Mahathir kini dihentam teruk kerana mendahulukan kepentingan rakyat dan parti. Namun lihatlah nanti setakat mana pakatan bersama DAP ini yang hanya berasaskan kepentingan politik dapat bertahan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



**KHAIRUL AZWAN**